EDUVIA
Smart Learning Hub
*Education for a Brighter Tomorrow*

# MODUL FOKUS
## SEJARAH SPM 2026
## FOKUS 2



**CIKGU GUNA**
EDUVIA SMART LEARNING HUB




**01** Malayan Union



**02** Usaha ke Arah Kemerdekaan



**03** Raja Berperlembagaan & Demokrasi Berparlimen



**04** Dasar Luar Malaysia



**05** Konflik Dunia & Pendudukan Jepun




**06** Persekutuan Tanah Melayu 1948




**07** Kedaulatan Negara




**08** Dasar Pendidikan Kebangsaan



**09** Malaysia di Persada Dunia: Ekonomi & Kemanusiaan

@CHANNELSEJARAHCIKGUGUNA

M.R.S TUITION CENTRE

(SET 2)

**Bahagian A**
**[40 markah]**

*Jawab semua soalan.*

EDUVIA SMART LEARNING HUB
Master The Past - Own The Future
Cikgu Guna

**TINGKATAN 4 BAB 4**

**1.** Pengenalan Malayan Union pada 1 April 1946 untuk menggantikan Pentadbiran Tentera British (BMA) telah mencetuskan penentangan hebat daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.

(a) Jelaskan maksud prinsip kewarganegaraan 'Jus Soli' dalam Perlembagaan Malayan Union?

.....

.....

.....

.....

*[2 markah]*

(b) Terangkan bentuk bantahan terhadap pelaksanaan Malayan Union oleh golongan berikut:

(i) Raja-raja Melayu

.....

.....

.....

*[2 markah]*

(ii) Kaum Wanita dan Persatuan Melayu

.....

.....

.....

*[2 markah]*

(c) Baca petikan di bawah.

> Kongres Melayu yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac 1946 telah berjaya menghimpunkan 41 buah pertubuhan Melayu dari seluruh Tanah Melayu.
>
> Kesepakatan luar biasa ini membuktikan bahawa apabila maruah dan kedaulatan bangsa terancam, perpaduan menjadi benteng paling utuh untuk menumbangkan rancangan penjajah.
>
> *Sumber: https://www.utusan.com.my*

EDUVIA Smart Learning Hub
Education for a Brighter Tomorrow

**(SET 2)**

Jelaskan mesej dan iktibar yang terkandung dalam petikan rencana tersebut?

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

**TINGKATAN 4 BAB 7**

**2.** Rajah berikut berkaitan dengan pertubuhan politik awal yang memperjuangkan idea 'Negara Merdeka' serta usaha mewujudkan kerjasama politik antara kaum ke arah kemerdekaan.

| **Pertubuhan / Parti Politik** | **Konsep / Slogan Perjuangan Kemerdekaan** |
|---|---|
| Kesatuan Melayu Muda (KMM) | **X** |
| Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) | **Y** |

(a) Nyatakan konsep / slogan perjuangan X dan Y.

**X :** .....

**Y :** .....

*[2 markah]*

(b) Bagaimanakah kerjasama politik antara kaum dilaksanakan melalui Persidangan Kebangsaan, Konvensyen Kebangsaan, dan pembentukan Parti Perikatan (1954)?

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

(c) Pada pandangan anda, mengapakah kesediaan pemimpin dan rakyat bermuafakat merentas kaum amat penting dalam mengekalkan kestabilan politik negara pada hari ini?

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

TINGKATAN 5 BAB 3

**3.** Majlis Raja-Raja merupakan institusi beraja di Malaysia yang dianggotai oleh sembilan orang Raja Melayu dan empat orang Yang di-Pertua Negeri mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

*Sumber ubah suai: https://www.penyimpanmohorbesar.gov.my*

(a) Nyatakan dua fungsi Majlis Raja-Raja dalam Perlembagaan Persekutuan.

i. .....

ii. .....

*[2 markah]*

(b) Bagaimanakah kuasa budi bicara raja dan institusi pemerintahan beraja berperanan sebagai mekanisme semak dan imbang dalam sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita?

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

(c) Baca maklumat berikut dengan teliti.

> Kebebasan asasi seperti kebebasan diri, kebebasan beragama, dan kebebasan bersuara merupakan hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan kepada setiap warganegara.
>
> Walau bagaimanapun, kebebasan ini tidak bersifat mutlak, sebaliknya tertakluk kepada sekatan undang-undang demi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam.
>
> *Sumber ubah suai: Buku Teks Sejarah Tingkatan 5*

Mengapakah kebebasan bersuara dan berhimpun di negara kita perlu dikawal dengan sekatan undang-undang?

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

TINGKATAN 5 BAB 9

**4.** Sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah menggubal dasar luar yang dinamik serta melibatkan diri secara aktif dalam pertubuhan antarabangsa seperti Komanwel, NAM, dan OIC.

(a) Nyatakan dua cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam mengukuhkan dasar luar sejak tahun 1960-an.

i. .....

ii. .....

*[2 markah]*

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

**PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC) — DITUBUHKAN PADA TAHUN 1969**

Bagaimanakah Malaysia memberikan sumbangan bermakna dalam pertubuhan tersebut?

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

(c) Petikan berkaitan dengan pendirian dasar luar Malaysia.

Dalam mendepani persaingan geopolitik kuasa-kuasa besar dunia pada abad ke-21, Malaysia tetap teguh mengamalkan dasar luar yang bebas, berkecuali, dan berprinsip serta bersahabat dengan semua negara tanpa terikat kepada mana-mana blok ketenteraan.

*Sumber: https://www.kln.gov.my*

Bincangkan manfaat yang diperoleh Malaysia hasil pengamalan dasar luar yang bebas dan berkecuali tersebut.

.....

.....

.....

.....

*[4 markah]*

**(SET 2)**

**Bahagian B**

**[60 markah]**

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.*

EDUVIA SMART LEARNING HUB
Master The Past - Own The Future
Cikgu Guna

**SOALAN 5 — TINGKATAN 4 BAB 3**

**5.** Kekejaman pentadbiran tentera Jepun dari tahun 1941 hingga tahun 1945 telah mencetuskan pelbagai gerakan penentangan rakyat tempatan di Tanah Melayu, Sarawak, dan Sabah.

*Sumber ubah suai: https://pustakailmu.arkib.gov.my/*

(a) Jelaskan perjuangan menentang pendudukan Jepun oleh Rejimen Askar Melayu serta tokoh individu iaitu Gurchan Singh dan Sybil Kathigasu. *[4 markah]*

(b) Terangkan gerakan penentangan terhadap tentera Jepun di wilayah berikut:

i) Operasi Semut di Sarawak *[4 markah]*

ii) Pemberontakan Jesselton (Double Tenth) di Sabah *[4 markah]*

(c) Teliti poster keperwiraan pejuang tanah air berikut.




Ulaskan mesej yang terkandung dalam poster berikut. *[8 markah]*

EDUVIA Smart Learning Hub
Education for a Brighter Tomorrow

**6.** Maklumat berikut merujuk kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

> Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 yang berkuat kuasa pada 1 Februari 1948 telah menggantikan Malayan Union hasil perjuangan Raja-raja Melayu dan UMNO, walaupun rangka perjanjian Jawatankuasa Kerja ditentang oleh gabungan PUTERA-AMCJA.
>
> *Sumber: Buku Teks Sejarah Tingkatan 4*

(a) Terangkan penentangan gabungan PUTERA-AMCJA terhadap rangka Perjanjian Persekutuan 1948 dari aspek berikut:

(i) Sebab PUTERA-AMCJA menolak rangka perjanjian Jawatankuasa Kerja

*[3 markah]*

(ii) Cadangan yang dikemukakan dalam Perlembagaan Rakyat (Julai 1947)

*[3 markah]*

(b) Jelaskan faktor-faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 serta kesannya terhadap pembinaan negara dan bangsa.

*[6 markah]*

(c) Petikan berikut berkaitan dengan kejayaan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

> Kejayaan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuktikan bahawa muafakat erat antara Raja-raja Melayu dengan pemimpin rakyat serta penggunaan saluran rundingan dan perundangan mampu mengembalikan hak dan kedaulatan tanah air.
>
> Perjanjian ini juga menjadi titik tolak kepada pengiktirafan kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu, dan pembukaan ruang kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu.
>
> *Sumber: www.bharian.com.my*

Beri ulasan anda berdasarkan petikan tersebut. *[8 markah]*

TINGKATAN 5 BAB 1

**7.** Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang bebas serta mempunyai hak melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

(a) Terangkan kepentingan mewujudkan negara berdaulat dari aspek berikut:

i) Keberkesanan pentadbiran dan kemakmuran ekonomi *[3 markah]*

ii) Kesejahteraan sosial dan kecemerlangan hubungan luar *[3 markah]*

(b) Bagaimanakah pemerintah dan rakyat melaksanakan tanggungjawab bersama dalam mempertahankan kedaulatan negara? *[6 markah]*

(c) Teliti poster berikut.




Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut. *[8 markah]*

T4 BAB 7 + T5 BAB 7

**8.** Usaha membentuk 8erdek 8erdeka8an kebangsaan telah bermula sebelum 8erdeka melalui Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak) dan terus diperkukuh selepas 8 erdeka melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi memupuk perpaduan kaum.

(a) Jelaskan usaha ke arah pembentukan sistem pendidikan kebangsaan sebelum merdeka melalui Laporan Barnes 1951, Laporan Fenn-Wu 1951, dan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak). *[6 markah]*

(b) Bagaimanakah Dasar Pendidikan Kebangsaan terus diperkasa selepas merdeka melalui Laporan Rahman Talib 1960, Kajian Aminuddin Baki 1964, dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979? *[6 markah]*

(c) Teliti carta pai fokus peruntukan pembangunan pendidikan kebangsaan tersebut.




Ulaskan. *[8 markah]*

EDUVIA SMART LEARNING HUB
Master The Past, Own The Future

**TINGKATAN 5 BAB 10**

9.Kecemerlangan Malaysia di persada dunia turut dibuktikan melalui peranan proaktif negara dalam hubungan ekonomi antarabangsa serta pelibatan kerajaan dan rakyat dalam misi kemanusiaan sejagat.

(a) Bagaimanakah Malaysia memainkan peranan cemerlang dalam menangani isu ekonomi dan kemanusiaan berikut:

(i) Meluaskan pasaran ekonomi (AFTA) dan Kerjasama Pembangunan Ekonomi Segi Tiga *[4 markah]*

(ii) Menangani kemelesetan ekonomi 1997–1998 dan memperkasa Sistem Kewangan Islam *[4 markah]*

(iii) Pelibatan rakyat dan NGO dalam isu kemanusiaan di Palestin, Syria, serta Aceh dan Sri Lanka *[4 markah]*

(b) Peta berikut berkaitan dengan jaringan misi bantuan kemanusiaan dan keamanan antarabangsa Malaysia.




Pada pendapat anda, mengapakah Malaysia aktif menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada negara yang dilanda konflik dan bencana?

Apakah kesan pelibatan tersebut terhadap imej negara? *[8 markah]*

EDUVIA Smart Learning Hub
Education for a Brighter Tomorrow